



## KENYATAAN MEDIA

### PENGEMASKINIAN KE ATAS KADAR BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN MELALUI EXIT & ENTRY SYSTEM (EES), MULAI 12HB., DISEMBER 2022

1. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan mengemaskini kadar bayaran Caj Perkhidmatan melalui Exit & Entry System, yang pada masa ini dikenakan sebanyak BND3.00 satu hala perjalanan, bagi setiap orang yang akan membuat perjalanan melalui pos-pos kawalan darat di Negara Brunei Darussalam.
2. **Bermula hari Isnin, 12hb., Disember, 2022**, Caj Perkhidmatan akan dikenakan ke atas **setiap kenderaan sahaja** yang akan membuat perjalanan melalui kesemua pos kawalan darat di Negara Brunei Darussalam menurut kadar-kadar seperti berikut:
  - (i) Bagi kenderaan penumpang dengan muatan **tidak melebihi 7 orang termasuk pemandu**, akan dikenakan bayaran sebanyak **BND3.00 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan**;
  - (ii) Bagi kenderaan penumpang dengan muatan **lebih daripada 7 orang hingga 25 orang termasuk pemandu**, seperti van atau bas mini, akan dikenakan bayaran sebanyak **BND6.00 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan**;



- (iii) Bagi kenderaan penumpang dengan muatan **lebih daripada 25 orang termasuk pemandu**, seperti bas, akan dikenakan bayaran sebanyak **BND10.00 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan**;
  - (iv) Bagi **kenderaan komersial yang tidak akan memerlukan pemeriksaan melalui mesin pengimbas (x-ray machine)**, akan dikenakan bayaran sebanyak **BND6.00 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan**; dan
  - (v) Manakala bagi **kenderaan komersial yang perlu menjalani pemeriksaan melalui mesin pengimbas (x-ray machine)**, akan dikenakan bayaran sebanyak **BND10.00 setiap kenderaan bagi satu hala perjalanan**.
3. Bayaran Caj Perkhidmatan akan dikenakan ke atas **semua kenderaan** yang hendak melalui kesemua pos kawalan darat Negara Brunei Darussalam tanpa mengira tempat pendaftaran kenderaan tersebut, iaitu **sama ada ianya mempunyai pendaftaran Negara Brunei Darussalam atau berpendaftaran luar negara**.
4. **Bayaran Caj Perkhidmatan akan dikecualikan bagi pejalan kaki dan kenderaan-kenderaan seperti berikut**;
- (i) **Basikal**;
  - (ii) **Motosikal**;
  - (iii) **Kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan luar negara bagi kegunaan rasmi**;



- (iv) **Kenderaan yang dimiliki oleh Pegawai Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan luar negara bagi menjalankan tugas rasmi;**
  - (v) **Kenderaan yang dimiliki oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;**
  - (vi) **Kenderaan khusus seperti Ambulans, Bomba, Polis dan kenderaan yang digunakan bagi tujuan pengebumian; dan**
  - (vii) **Kenderaan yang digunakan oleh mana-mana orang di bawah *Diplomatic Privileges (Vienna Convention) Act (Chapter 117)* dan *Consular Relations Act (Chapter 118)*.**
5. Bagi orang ramai yang telah merancang untuk merentas sempadan pada atau selepas hari Isnin, 12hb., Disember 2022, tetapi telah lebih awal membuat pembayaran Caj Perkhidmatan melalui Exit and Entry System (EES), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja akan menguruskan bayaran balik atau *refund* yang berkenaan.
6. Bagi memastikan perjalanan merentas sempadan melalui pos kawalan darat berjalan dengan lancar, orang ramai adalah dinasihatkan untuk:
- (i) Membuat pendaftaran, permohonan, pembayaran Caj Perkhidmatan melalui sistem EES (<https://login.bdns.gov.bn/ees/user/login>) dan seterusnya mendapatkan QR code lebih awal sebelum perjalanan dibuat; dan
  - (ii) Memastikan dokumen perjalanan hendaklah sah sekurang-kurangnya tidak kurang tiga (3) bulan sebelum membuat perjalanan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.



7. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di talian 2382361 atau 8323741 pada waktu pejabat atau melalui emel [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn)

### ***JAWATANKUASA PANDU COVID-19***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

12hb., Jamadilawal 1444  
6hb., Disember 2022